

MAHATHIR R R R

MORIB, 1 FEB. (BERNAMA) -- KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) AKAN TERUS MENGAMALKAN SIKAP TOLERANSI DAN MENGGUNAKAN SALURAN DIALOG UNTUK MENGATSI APA-APA MASALAH DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA LAGI, YANG UTAMA BAGI BN BUKANLAH KERUSI PILIHAN RAYA TETAPI UNTUK Mencari JALAN BAGI Mencapai KESEJAHTERAAN NEGARA.

+KERUSI PILIHAN RAYA HANYALAH MERUPAKAN JENTERA YANG DIPERLUKAN UNTUK Mencapai MATLAMAT ITU,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN KHEMAH KERJA POLITIK PEMUDA BARISAN NASIONAL DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BN MERUPAKAN SATU ORGANISASI YANG UNIK YANG TIADA BANDINGANNYA DI DUNIA KERANA IA TELAH DAPAT MENYATUPADUKAN PELBAGAI PARTI YANG MEWAKILI KAUM TERTENTU DAN GOLONGAN TERTENTU.

KATANYA, MEREKA SANGGUP BEKERJA UNTUK Mencari JALAN TENGAH DENGAN MENGAMALKAN SIKAP TOLAK-ANSUR BAGI MENENTUKAN KERAJAAN SENTIASA BERSIKAP ADIL DAN TIDAK BERAT SEBELAH, -- LAGI.

1616MST 01 02 86

D396

U B212 DEB  
MAHATHIR 2 MORIB R R R

MALANGNYA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, TERDAPAT GOLONGAN YANG BERPENDAPAT BAHAWA KERAJAAN HANYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA SATU KAUM SAHAJA.

PERDANA MENTERI MENGAJAK RAKYAT MEMBANDINGKAN SIKAP KERAJAAN BN DENGAN KERAJAAN NEGARA-NEGARA YANG TERDAPAT JUGA RAMAI KAUM PENDATANG TERUTAMANYA DI EROPAH, TEMPAT DISKRIMINASI KAUM AMAT TEBAL SEKALI HINGGA KE HARI INI.

KATANYA, WALAUPUN KAUM PENDATANG TURKI TELAH BAGITU LAMA MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA BERKENAAN KETIKA NEGARA ITU MEMERLUKAN RAMAI TENAGA KERJA, KAUM ITU MASIH LAGI DIANGGAP ASING.

BELIAU MENAMBAH KATA BAHAWA KERAJAAN BERKENAAN BUKAN SAHAJA TIDAK MEMBERI KERAKYATAN SEBAGAI TANDA PENGIKTIRAFAN SUMBANGAN MEREKA MALAHAN KAUM PENDATANG ITU DIMINTA KELUAR DARI NEGARA ITU.

+NEGARA-NEGARA EROPAH DAHULUNYA DIANGGAP MENGAMALKAN SIKAP YANG LIBERAL DAN BERLAKU ADIL TETAPI SEKARANG SIKAP TOLERANSI SUDAH TIDAK ADA LAGI,+ KATANYA. -- LAGI.

1556MST 01 02 86

D399

U B214 DEB  
MAHATHIR 3 MORIB R R R

KATANYA, KAUM PENDATANG DIANGGAP RAKYAT KELAS DUA ATAU TIGA DAN MEREKA TIDAK DIBENARKAN BERKAHWIN ATAU MEMBAWA MASUK ANAK DAN ISTERI MEREKA DARI INDIA DAN PAKISTAN, +TETAPI JIKA ORANG DARI EROPAH YANG WARNA KULITNYA SAMA, TIDAK MENGAPA.+

BELIAU JUGA MENYENTUH PERSELISIHAN DI IRELAND UTARA ANTARA PENGANUT KATOLIK DAN PROTESTAN YANG SUDAH BERTAHUN-TAHUN BERPERANG DAN MASIH BELUM NAMPAK SEBARANG PENYELESAIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI MALAYSIA KERAJAANNYA SEDAR BAHAWA TIDAK SEMUA KAUM DAPAT MENIKMATI PEMBANGUNAN YANG SAMA RATA WALAUPUN KERAJAAN BERUSAHA UNTUK MEMBERIKAN TEMPAT KEPADA SEMUA KAUM DALAM PROGRAM PEMBANGUNANNYA DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU.

PERDANA MENTERI MENASIHATI RAKYAT SUPAYA BERDIALOG UNTUK Mencari PENYELESAIAN JIKA TERDAPAT RASA TIDAK PUAS HATI TERHADAP PROGRAM-PROGRAM YANG TERKANDUNG DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA.

+JANGANLAH IA DILAUNG-LAUNGAN UNTUK MENJADI SATU ISU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

1601MST 01 02 86